

06/01/2002

Ke mana arah tujuan Keadilan?

Syed Akbar Ali

APAKAH alamatnya jika seorang pengasas parti politik meletak jawatan dalam parti hanya beberapa tahun saja selepas beliau bantu membangunkan parti itu? Dr Chandra Muzaffar meletak jawatan dalam parti Keadilan dan juga berhenti daripada menjadi ahli dalam parti itu. Antara lainnya, ini bermaksud perjuangan parti itu tidak menyerupai sangkaan Dr Chandra.

Ini juga membuktikan beliau menyertai Keadilan mengikut emosi dan arus saja tanpa membuat pertimbangan yang waras tentang watak utama dalam perjuangan parti itu yang bakal akan mengecewakannya. Apa yang dianggap sebagai suatu perjuangan reformasi kononnya untuk membetulkan ketidakadilan dalam system pentadbiran negara akhirnya tidak ke mana pun.

Dr Chandra sekarang telah kembali menjadi seorang aktivis NGO dan juga menjadi penulis dalam akhbar Utusan Malaysia iaitu sebuah akhbar arus perdana yang pernah dikritik oleh beliau dan rakan-rakannya semasa berada dalam politik. Utusan Malaysia masih menjadi akhbar arus perdana dan membawa berita dan pendapat, termasuk tulisan Dr Chandra sekarang, yang mempengaruhi aliran fikiran dalam negara kita.

Tetapi apakah perjuangan sebenar parti Keadilan yang sanggup ditinggalkan oleh Dr Chandra? Soalan ini mungkin lebih elok dijawab oleh ahli sejarah dan pengkaji sosial yang bakal mengkaji sejarah politik negara pada masa depan yang jauh lagi. Setakat ini ia masih tidak jelas apakah perjuangan Keadilan yang sebenarnya. Pelbagai puak yang berlainan mempunyai tafsiran yang lain tentang perjuangan parti itu. Dr Chandra misalnya mempunyai fahaman sendiri yang mungkin tidak disetujui oleh ahli yang lain.

Sebelum ini seorang lagi ahli pengasas Keadilan iaitu Marina Yusuf telah keluar daripada parti itu kerana beliau tidak setuju dengan perjuangan dan peranan Dr Chandra dalam parti itu. Ketidaksetujuan ini mengambil bentuk bantahan terhadap Keadilan.

Satu lagi contoh ialah ahli parti keturunan India seperti P Uthayakumar dan ramai rakan-rakannya yang berketurunan India mengasingkan diri daripada perjuangan parti itu kerana mereka rasa ditolak tepi. Ahli keturunan India mempunyai peranan yang terhad dalam Keadilan kerana kebanyakan kawasan pilihan raya mempunyai bilangan pengundi India yang minoriti saja. Sokongan kaum India tidak mempunyai kesan yang begitu besar kepada Keadilan. Ini sangat berbeza dengan konsep kerjasama antara kaum yang diamalkan oleh Barisan Nasional di mana calon keturunan India tetap diberi peluang bertanding atas nama BN walaupun di kawasan yang bukan majoriti India. Pendekatan BN ini menjamin supaya semua kaum minoriti dalam negara kita mempunyai wakil rakyat daripada keturunan mereka.

Kaum minoriti dalam negara kita amat prihatin akan dasar BN ini. Oleh itu semua parti politik yang mewakili kaum India atau yang mempunyai ramai ahli daripada kaum India menyokong Barisan Nasional. Selain daripada MIC, parti PPP dan IPF memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional.

Bagaimana pula sokongan kaum Melayu dalam parti Keadilan? Walaupun parti itu mengisytihar diri sebagai sebuah parti pelbagai kaum yang tidak khusus kepada perjuangan Melayu, tidak dapat dinafikan Keadilan dikuasai majoriti Melayu. Rungutan beberapa orang India bahawa mereka ditolak ke tepi adalah hasil daripada ruang sempit yang diberi kepada mereka dalam Keadilan.

Dan di kalangan ahli Melayu pula, ahli Abim yang satu waktu dulu mempunyai cita-cita untuk menguasai Keadilan untuk dijadikan pentas

politik perjuangan mereka menjadi kecewa apabila ramai ahli Abim tewas dalam pilihan parti pada 2001. Sama seperti Dr Chandra, ahli Abim pun sedar bahawa ada kuasa yang lebih besar yang menentukan masa depan Keadilan dan juga peranan mereka dalam parti itu.

Sebelum ahli Abim ditolak tepi pada 2001, puak NGO yang menduduki Keadilan termasuk pengasasnya Dr Chandra dan juga Zainur Zakaria, seorang peguam rasa amat terhimpit antara dua gergasi yang berlaga untuk menguasai parti iaitu puak Abim dan bekas ahli Umno. Mereka menyertai Keadilan atas dasar menegakkan idealisme yang akhir sekali hanya menjadi idealisme mereka sendiri. Impian mereka tidak sehaluan dengan mimpi kuasa-kuasa besar yang lebih berpengaruh dalam parti itu. Dr Chandra misalnya telah beberapa kali cuba untuk meletakkan jawatan dan juga keahlian dalam parti itu. Akhir sekali Dr Chandra meletak juga dan membuat kenyataan bahawa beliau kecewa dengan perjuangan Keadilan.

Kaum Cina juga paling sikit perwakilannya dalam parti itu dan hanya ada seorang lagi aktivis NGO bernama Tian Chua dipilih menyertai barisan pimpinan parti. Tian Chua sekarang menjalani hukuman tahanan dalam ISA selama dua tahun. Maka selain itu, yang tinggal hanyalah puak bekas ahli Umno yang menguasai parti itu. Mereka ini terdiri daripada orang yang menjadi penyokong baru Anwar Ibrahim berbanding puak Abim yang mengenali Anwar sejak awal lagi.

Pada waktu Parti Semangat 46 dulu lama kelamaan ahli parti itu telah sertai semula Umno dan perselisihan dengan Umno pun menjadi selesai. Apakah keadaan pucuk pimpinan Keadilan sekarang yang terdiri daripada ramai bekas ahli Umno akan memudahkan lagi kemasukan semula ahli Keadilan ke dalam Umno? Dalam politik tidak ada kawan yang setia dan tidak ada lawan yang berkekalan. Everything is possible in politics.

Ahli bekas Umno yang telah menang dalam pilihan parti Keadilan mendapat sokongan penuh daripada penaung mereka dalam parti. Tanpa sokongan seperti ini mustahil bagi mereka untuk mencapai kejayaan dalam pilihan parti. Begitu juga ahli Abim yang tewas tidak mendapat sokongan padu daripada pihak yang diharapkan. Tempoh mereka telah tamat. Dr Muhammad Nur Manuty misalnya, yang telah banyak berkorban untuk parti Keadilan sekarang terpaksa berhijrah ke Singapura untuk mencari kerja.

Rakan yang diharapkan untuk sokongan tidak lagi melihat mereka sebagai orang yang boleh membawa tuah. Mereka juga tidak merapatkan diri dengan sebarang usaha untuk menyertai semula Umno. Orang yang lebih potensi diterima balik oleh Umno pada masa akan datang juga bakal membawa lebih untung.

Parti Keadilan sekarang makin bebas daripada pengaruh puak agama Abim, puak NGO yang ramainya juga bukan Melayu dan juga pengaruh kaum India dan Cina. Yang dominan sekarang ialah bekas ahli Umno yang sekarang menerajui pimpinan parti. Tanpa sokongan Abim atau sokongan kuat NGO, mustahil bagi Keadilan untuk mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya. Parti itupun jelas akan hakikat ini. Jadi apakah kesudahan kepada perjuangan ahli Keadilan sekarang melainkan untuk menyertai semula parti induk yang menjadi kampung halaman mereka tidak lama dulu.

Mereka semua sedar akan dasar terbuka Barisan Nasional amnya dan juga sifat pengampun Dr Mahathir Mohamad khususnya sebagai Presiden Umno. Parti Bersatu Sabah yang pernah menikam belakang BN sekarang dengan sendirinya memohon menyertai semula BN dan diterima dengan baik sebagai ahli BN. Bekas ahli Umno yang pernah meninggalkan parti juga telah diterima balik menyertai Umno. Ini adalah kerana perpaduan lebih baik daripada perpecahan. Perjuangan parti, bangsa dan negara adalah jauh lebih besar daripada perjuangan individu atau kumpulan tertentu saja.

(END)